

FAQ NG BEAU KLENZ

1. Apakah NG Beau Klenz dan kandungan utamanya ?

NG Beau Klenz adalah makanan tambahan yang mengandungi ramuan semulajadi yang bertindak untuk mengatasi masalah usus bertoksin, sembelit dan memperbaiki masalah pembuangan air.

Kandungan utamanya ialah Radix Rheum Palmatum, Folium Cassia Angustifolia, Aloe Barbadensis, Fructus Citrus Aurantium, Radix Glycyrrhiza Uralensis dan Rhizoma Antractylodes Macrocephala.

2. Apakah fungsi utama NG Beau Klenz dan bagaimana ia bertindak ?

Badan kita perlu menjalani proses detoksifikasi setiap hari. Jika tidak, makanan yang tidak tercerna akan diserap menjadi toksin dalam badan. NG Beau Klenz menolong dalam sistem pencernaan dan pembersihan usus kita dengan memudahkan pembuangan air besar. Ia bertindak dengan mengeluarkan najis terlonggok di dalam usus, mengatasi masalah sembelit, memperbaiki sistem penghadaman dan menyingkirkan toksin yang terkumpul di dalam badan.

3. Apakah tindak balas NG Beau Klenz ?

- 1-7 hari : kekerapan membuang najis di mana plak-plak degil yang melekat pada dinding usus akan disingkirkan secara berperingkat.
- 7-30 hari : toksin di dalam badan semakin berkurangan dan pembuangan najis menjadi semakin teratur.
- 30-60 hari : toksin di dalam badan akan disingkirkan.

4. Siapakah yang perlu memperoleh faedah daripada NG Beau Klenz ?

Hampir setiap orang perlu mendetoksifikasi dan membersihkan usus mereka terutamanya untuk kesihatan dan kecergasan badan kerana makanan yang kita makan setiap hari mengandungi toksik. Oleh itu, anda dinasihatkan mengamalkan NG Beau Klenz kalau anda menghadapi simptom seperti sembelit dan pembuangan najis yang tidak tetap, penghadaman yang lemah, tabiat makan yang tidak baik, lesu, tidak cukup tidur dan tekanan, keadaan kulit yang tidak sihat.

5. Apakah cara penggunaan NG Beau Klenz ?

Berikut adalah beberapa saranan dan cadangan pengambilan NG Beau Klenz yang terbaik :-

- Produk ini tidak sesuai diambil sepanjang waktu dan kesan pengambilan adalah tertakluk kepada tahap kesihatan seseorang individu.
- Cadangan pengambilan adalah 2-4 kapsul untuk 2-3 kali sehari selepas makan hidangan utama.
- Perlu minum air kosong dengan banyak (tidak kurang 3 liter sehari) untuk melancarkan dan mempercepatkan tindakbalas positif NG Beau Klenz.
- Perlu berhenti mengambil NG Beau Klenz seketika setelah habis sebotol. Ambil semula apabila simptom seperti sembelit dan pembuangan najis yang tidak tetap, penghadaman yang lemah, tabiat makan yang tidak baik, lesu, tidak cukup tidur dan tekanan, keadaan kulit yang tidak sihat kembali berulang.

6. Adakah NG Beau Klenz menimbulkan kesan sampingan ?

NG Beau Klenz disediakan daripada ramuan semulajadi yang asli. Kajian yang dijalankan setakat ini tidak menunjukkan sebarang kesan sampingan yang berkaitan dengan penggunaannya.

7. Adakah terdapat pantang larang atau golongan yang tidak sesuai mengambil NG Beau Klenz ?

- Kanak-kanak berusia bawah 12 tahun tidak sesuai mengambil NG Beau Klenz.
- Ibu yang mengandung dan menyusukan bayi.
- Wanita yang sedang dalam haid.
- Pesakit CID (Chronic Intestinal Disorder) atau mereka yang alami sakit abdomen dan muntah-muntah.
- Tidak digalakkan untuk penggunaan dalam jangka masa yang berterusan kerana boleh menyebabkan sistem penghadaman menjadi terlalu bergantung kepada produk ini dan juga ketidakseimbangan elektrolit atau metabolik.

8. Adakah NG Beau Klenz selamat dimakan dan adakah ia disahkan halal oleh pihak JAKIM ?

NG Beau Klenz dihasilkan di kilang yang mempunyai pengiktirafan 'Amalan Perkilangan Baik' (GMP) dan mematuhi standard piawaian antarabangsa bagi memastikan produk-produk yang dihasilkan adalah selamat digunakan.

Produk NG Beau Klenz telah mendapat pengesahan halal dari pihak JAKIM.